

MAJLIS PERASMIAN ‘GRAB DRIVER CENTRE’ DI IPOH

KERAJAAN NEGERI MENYOKONG PELAKSANAAN INISIATIF DAN PROGRAM DIGITAL EKONOMI NEGERI

IPOH, DISEMBER 15, 2022 – Perasmian ‘Grab Driver Centre (GDC)’ di Perak telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Sandrea Ng Shy Ching, dalam satu majlis hari ini, bertempat di Pusat Membeli-belah AEON Midtown Falim.

Inisiatif ini merupakan komitmen pihak Grab Malaysia (Grab) bersama-sama dengan rakan strategik, Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dalam membantu memperkasa dan merancakkan lagi ekonomi gig dalam ekosistem transformasi digital di negeri Perak.

Bergerak seiring dengan revolusi industri 4.0, platform perkhidmatan penghantaran makanan dan tempahan kereta ini menawarkan peluang pekerjaan fleksibel dengan gaji lumayan kepada golongan belia menganggur, B40 dan juga pesara melalui penggunaan aplikasi dalam talian dan mudah alih.

Kesemua GDC yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Melaka, Pulau Pinang, Kuantan, Kota Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Ipoh, berfungsi sebagai pusat sehenti atau ‘one-stop-centre (OSC)’ bagi membantu rakan pemandu GrabCar dan GrabExpress serta para rakan penghantar dan peniaga GrabFood tempatan dalam proses pendaftaran, pertanyaan dan khidmat sokongan.

GDC ini juga akan mengendalikan program kursus latihan kepada rakan pemandu, rakan penghantar dan rakan peniaga Grab bagi memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh komuniti setempat.

Turut hadir, Pengarah Outer Cities Grab, Ben Chin, dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato’ Dr. Hj. Meor Redwan.

Majlis ini dijangka turut dihadiri oleh kira-kira 300 rakan pemandu, rakan penghantar dan rakan peniaga Grab Perak.

